

**Analogi kepemimpinan dan kekalahan Brazil, tragedi buat Najib,
kata Lim Kit Siang
Malaysian Insider
July 9, 2014**

Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang (gambar) hari ini menyelar kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebagai satu tragedi apabila menyamakan situasi kekalahan pasukan Brazil pada perlawanan separuh akhir Piala Dunia dengan negara yang kucar-kacir akibat tiada kepemimpinan berkesan.

Lim menyifatkan kenyataan itu sebagai ironi apabila Najib sepanjang tempoh pentadbirannya juga dilihat tidak menjalankan peranan sebagai pemimpin sebenar.

"Ia amat ironi dan tragik apabila Najib boleh menyamakan analogi kekalahan besar-besaran pasukan Brazil kepada Jerman semalam kerana tiadanya kepemimpinan kuat walhal beliau sendiri gagal memainkan peranannya," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Ahli Parlimen Gelang Patah itu mempersoalkan di manakah kepemimpinan perdana menteri semasa berlakunya banyak kontroversi yang melanda negara, bermula daripada masalah ketegangan kaum dan perbezaan agama hinggalah dalam menangani korupsi juga meningkatkan ketelusan,

"Di manakah kepemimpinan Najib dalam slogan 1Malaysia apabila memperjuangkan kesaksamaan kaum dan agama? Namun kenyataan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin bercanggah dengan polisinya.

"Dan bagaimana pula dengan seruan beliau menolak kepada suara ekstrem sedangkan negara menyaksikan pelbagai insiden mencetuskan ketegangan kaum dan agama yang dilihat berterusan," katanya.

Tambahnya dalam laporan terkini "Asianomic Country" meramalkan kegagalan fasa kedua Plan Transformasi Ekonomi Putrajaya adalah akibat

kelemahan dan keinginan perdana menteri itu mentadbir Malaysia.

"Malah Najib masih berjaya mengekalkan kedudukannya kerana tiada penyambung sesuai dilihat dapat menggantikan peranannya," katanya.

Lim berkata perdana menteri itu dilihat seperti tidak bersedia atau menawarkan keberkesanan kepimpinan dalam kerajaan sejak pentadbirannya dengan merujuk keputusan yang dicapai dalam mesyuarat Kabinet hari ini.

"Mesyuarat Kabinet hari ini langsung tidak mencapai apa-apa keputusan apabila seperti biasa beliau membiarkan kerajaan tanpa mentadbir.

"Contohnya dalam pelantikan menteri baru, adakah dalam mesyuarat ketiga menteri baru itu berperangai seperti monyet (tidak melihat, mendengar dan bercakap)?,"

Selain itu, beliau turut mempersoalkan adakah mesyuarat Kabinet juga membincangkan kesan kenyataan Muhyiddin mengenai ancaman 13 Mei dengan memutuskan sebarang tindakan.

"Penantian rakyat Malaysia dan dunia, adakah Najib akan terus membiarkan pentadbiran berjalan sendiri.

"Adakah tanpa membuat apa-apa menjadi moto kerajaan? Ia merupakan ujian terakhir dalam transformasi Najib," katanya. – 9 Julai, 2014.

- See more at: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/analogi-kepimpinan-dan-kekalahan-brazil-tragedi-buat-najib-kata-lim-kit-sia#sthash.AEKgvOZw.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/anti-tppa->

movement-to-come-out-with-book-on-the-controversial-agreement